

09/02/1998

Konsep mampu-milik contoh terbaik

RAWANG, Ahad - Syarikat Kumpulan Emkay, pemaju hartanah terkemuka, yakin konsep `mampu-milik' yang diperkenalkannya di Taman Perumahan Bunga Raya Bukit Beruntung dekat sini mampu menjadi contoh terbaik bagi projek perumahan kos rendah dan sederhana.

Pengerusi eksekutifnya, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata melalui konsep mampu-milik, kerajaan boleh menyediakan kemudahan perumahan dengan harga yang munasabah tanpa mengetepikan aspek mutu kepada rakyat berpendapatan rendah.

"Ini bermakna satu bentuk perkongsian pintar dapat diwujudkan apabila ketiga-tiga pihak iaitu pemaju syarikat swasta, kerajaan dan pembeli mendapat manfaat daripada projek itu," katanya pada Majlis Jamuan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina di tapak projek, hari ini.

Beliau yakin konsep yang diperkenalkan oleh syarikat itu sebelum negara dilanda kegawatan ekonomi, dapat mengurangkan masalah permintaan terhadap rumah kos rendah dan sederhana yang semakin bertambah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan projek perumahan itu 14 Februari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri dijangka mengadakan perjumpaan dengan 16 wakil pembeli, pemaju dan institusi kewangan untuk bertanya masalah yang dihadapi ketika proses pembelian rumah.

Projek seluas 80 hektar berhampiran Persimpangan Tol Bukit Beruntung di Lebuhraya Utara-Selatan itu dijangka mampu menempatkan 20,000 penghuni menjelang tahun 2000.

Projek perumahan yang akan dilaksanakan anak syarikat Emkay, Medan Prestasi Sdn Bhd menawarkan rumah bernilai antara RM25,000, RM60,000 dan RM80,000. Setakat ini, sebanyak 4,000 unit rumah sudah dijual sejak pelancarannya pada 1996.

Selain rumah kos rendah, kemudahan lain yang turut disediakan di tapak projek itu termasuk pusat komersil dan industri, sekolah, kelab rekreasi, padang permainan kanak-kanak serta cadangan tapak pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MSRM).

(END)